

04 AUG 2002

Sukan-Basikal (ETOM)/I

JELAJAH EAGLE AKAN SAKSI PERTARUNGAN ANTARA JAGUH L-BASIKAL ASIA

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Jelajah Gamuda Eagle Malaysia (ETOM) 2002 akan menjadi medan "Pertarungan Antara Jaguh-jaguh Asia" apabila seramai 126 pelumba akan berkumpul di Langkawi untuk menyertai perlumbaan itu yang dijadual pada 14-18 Ogos.

Pelumba-pelumba basikal terbaik Asia akan mempamerkan skil masing-masing untuk kejohanan yang pertama kali diadakan dibawah naungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dianjurkan oleh Clear Mission Sdn Bhd.

Mendahului senarai ialah pelumba China, Wang Guozhang, juara Asia yang memenangi pingat emas pada Kejohanan Lumba Basikal Asia (ACC) di Bangkok tiga bulan lepas. Guozhang, yang sering menyertai Le Tour de Langkawi (LTdL), akan mengetuai cabaran China pada perlumbaan di sini.

Juara kebangsaan Iran, Ghader Mizbani juga mahu mencari kejayaan pada jelajah ini selepas mempamerkan persembahan cemerlang dengan Team Telekom Malaysia pada LTdL tahun ini, kata penganjur jelajah dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Mizbani, yang menduduki tempat ke-32 keseluruhan pada LTdL 2002, dikenali kerana kehebatannya dalam perlumbaan mendaki bukit dan cabaran mendaki Gunung Raya akan memberi peluang kepadanya untuk mendapatkan kedudukan terbaik pada jelajah ini.

Bagaimanapun, Mizbani menjangka akan menerima cabaran sengit dari rakan senegarannya Ahad Kazemi Sarai yang memenangi pingat perak pada perlumbaan ACC tahun ini. Ahad telah mengikat kontrak dengan Giant Asia Racing Team, yang berpangkalan di Taiwan, pasukan profesional bahagian tiga dan satu-satu pasukan profesional dari Asia.

Ahad, yang juga anggota Team Telekom Malaysia pada LTdL tahun ini, akan cuba mendapatkan kejayaan dalam perlumbaan berperingkat, termasuk perlumbaan ujian masa pada peringkat pertama dan juga perlumbaan mendaki sejauh 830 meter di Gunung Raya.

Pelumba basikal terkemuka Mongolia, Jamsran Ulzii-Orskhikh, anggota pasukan profesional amatir Belanda, Marco Polo Team, juga dijangka dapat mencuri perhatian.

Orskhikh, juara kebangsaan Mongolia sebanyak 15 kali, diketahui mempunyai kebolehan dalam acara mendaki dan perlumbaan ujian masa.

Tonton Susanto dari Indonesia juga menjadi pelumba pilihan pada perlumbaan ini berdasarkan kehebatan dalam perlumbaan LTdL kategori Asia tahun ini.

Tonton, mewakili Team Telekom Malaysia, menamatkan perlumbaan di tempat ke-15 menewaskan beberapa pelumba handalan Eropah dan memenangi sebagai pelumba individu terbaik Asia buat kali kedua.

Sementara itu, Malaysia akan bergantung kepada bekas pemenang pingat emas Sukan SEA, Tsen Seong Hoong dan pelumba handalan Nor Effandy Rosli dalam acara berpasukan dan individu.

Seong Hoong akan mewakili Team KL, bersama pemenang pingat perak Sukan Komanwel 1998, Nor Effandy.

Pelumba kebangsaan Shahrulneeza Razali, bekas pemenang pingat emas Sukan SEA juga mahukan kemenangan dalam acara individu.

Shahrulneeza adalah pelumba utama dalam Sweet Nice Team Selangor, yang turut menonjolkan tiga pelumba dari Indonesia.

Malaysia akan diwakili dua lagi pasukan lain -- Team NSC dari Majlis Sukan Negara (MSN) dan pasukan kebangsaan Malaysia.

-- BERNAMA
HRS HK ZB